

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, July 22, 2019 12:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bicara Santai Jana Idea 'The Way Forward UUM'



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 JULAI 2019 / 19 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

BICARA SANTAI SAJI KELAINAN: PENJANAAN IDEA 'THE WAY FORWARD UUM'



UUM ONLINE: Bicara santai dalam No-Holds Barred Brainstorming Session yang dianjurkan Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) telah berlangsung, di Manager's Coffee, baru-baru ini.

Pengarah CUIC Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek berkata, sesi ini menampilkan pakar dalam pelbagai bidang termasuk pihak industri dalam memastikan objektif mesyuarat MPUI-UUM dan secara tidak langsung hala tuju UUM dapat dicapai secara efektif.

Antaranya, Ketua Pegawai Eksekutif STRAND Aerospace Malaysia Sdn Bhd, Naguib Mohd Nor, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik

Lamsali, OYAGSB Prof. Dr. Mohd Zaini Abdul Karim, dan Dekan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Prof. Dr. Russayani Ismail.

Menurutnya, penganjuran ini adalah kesinambungan daripada Mesyuarat Pra Majlis Penasihat Universiti-Industri, Universiti Utara Malaysia (MPUI-UUM) untuk membincangkan tema mesyuarat bagi tahun 2019.

“Dalam sesi ini, objektif yang telah dirancang selaras dengan penubuhan MPUI-UUM dapat dicapai dengan jayanya yang memberi manfaat kepada universiti dan industri.

“Kita ingin memperolehi ‘input’ ke arah menyusun semula jenama UUM, menyemak dan menentu semula matlamat kita selama ini, adakah kita di atas landasan yang betul? Kita juga perlu meneliti aspek-aspek yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan.

Untuk rekod, terdapat seramai 17 pengamal industri dari pelbagai latar belakang telah dilantik sebagai ahli MPUI kali ini, dalam membantu UUM menyusun strategi serta aspirasi UUM selaras dengan era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan Volatility, Uncertainty, Complexity & Ambiguity (VUCA),” ujarnya.

Turut hadir, Prof. Dr. Ayoib B Che Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang mempengerusikan sesi penggulungan di akhir pertemuan tersebut. Beliau turut berharap agar ‘input’ yang diperolehi daripada sesi ini juga dapat membantu dalam memartabatkan Universiti seiring dengan agenda Kerajaan Negeri Kedah sesuai dengan lokasi UUM di Utara, khususnya dalam menyumbang pencapaian ekonomi masyarakat setempat.

Sesi sumbang saran ini bakal diteruskan dalam memastikan hala tuju MPUI dan Universiti dapat dimanfaatkan secara kolektif.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.